

ABSTRAK

Kajian ini cuba menerokai gaya pembelajaran dan gaya penyelesaian masalah yang digunakan oleh pelajar-pelajar Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Kajian ini telah menggunakan pendekatan tinjauan deskriptif yang berbentuk 'survey' untuk mengkaji ciri-ciri demografi dan hubungannya dengan penggunaan gaya pembelajaran dan gaya penyelesaian masalah. Alat kajian yang digunakan adalah soal-selidik bagi mengumpul data daripada 232 orang pelajar tahun satu daripada empat fakulti iaitu Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, dan Fakulti Sains dan Teknologi Sumber, dan Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Sumber, serta Fakulti Sains Sosial. Teknik persampelan yang digunakan ialah kaedah persampelan rawak mudah dan rawak berperingkat. Borang soalselidik yang digunakan terbahagi kepada tiga bahagian. Bahagian pertama merangkumi item-item berkenaan ciri-ciri demografi, bahagian kedua pula berkenaan dengan gaya pembelajaran yang diterjemahkan daripada Entwistle (1988) dan Barsch & Haynie (1989), sementara bahagian ketiga mempunyai item-item yang berkaitan dengan gaya penyelesaian masalah yang diterjemahkan daripada inventori Paul Heppner (1988). Ujian-uji statistik yang digunakan adalah Perbandingan Min, Korelasi Pearson Bivariate, Ujian-*t*, dan ujian ANOVA. Sehalu dalam SPSS versi 9.0. Kajian ini mendapati bahawa secara keseluruhannya pelajar-pelajar tahun satu mempunyai kecenderungan untuk menggunakan dengan lebih kerap gaya pembelajaran Pendekatan Mendalam, Gaya Urutan, Gaya Menyeluruh dan Pendekatan Strategik berbanding dengan Pendekatan Luaran yang menekankan penghafalan fakta yang spesifik dan informasi yang terputus-putus. Mereka juga lebih cenderung untuk menggunakan deria pendengaran dan penglihatan daripada deria sentuhan. Secara keseluruhannya responden mempunyai persepsi yang positif terhadap gaya penyelesaian masalah mereka. Kajian ini juga mendapati bahawa wujud korelasi yang signifikan pada $p < 0.01$ di antara gaya pembelajaran dan gaya penyelesaian masalah. Terdapat juga korelasi yang signifikan antara gaya pembelajaran dan gaya penyelesaian masalah mengikut jurusan. Bagaimanapun kecuali jurusan sains, semua korelasi yang diperolehi adalah lemah. Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam gaya pembelajaran di antara kesemua ciri-ciri demografi kecuali fakulti. Tetapi wujud perbezaan yang signifikan antara gaya penyelesaian masalah dengan jurusan dan antara gaya penyelesaian masalah dengan fakulti. Berdasarkan kepada dapatan kajian ini, dicadangkan supaya pihak yang berkenaan mengambil langkah positif khususnya dalam merancang proses pengajaran dan pembelajaran. Penggunaan pelbagai strategi dan teknik pengajaran perlu digunakan bagi mengalakkan pelajar mengambil bahagian dengan aktif semasa proses pembelajaran berlaku. Selain daripada itu, penggunaan pelbagai teknik dan strategi juga dapat membantu meningkatkan keyakinan diri terutamanya ketika berhadapan dengan masalah. Adalah dicadangkan supaya kajian lanjutan yang lebih mendalam dilakukan untuk melihat pelbagai pembolehubah yang berkaitan dengan gaya pembelajaran dan penyelesaian masalah agar dapat meningkatkan kecemerlangan akademik di Malaysia.

ABSTRACT

This study tries to investigate learning styles and problem solving styles used by the undergraduates in Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). This study employed a descriptive survey approach to examine the relationship between the independent variables (selected demographic characteristics – stream, gender, race and faculty) and dependent variables (learning styles and problem solving styles). The research instrument used was a questionnaire to collect data from 232 first year undergraduates through random sampling and stratified random sampling techniques. The questionnaire consisted of three parts, the first part contained items pertaining to selected demographic characteristics, the second part had items pertaining to learning styles which were translated from Entwistle (1988) and Barsch & Haynie (1989), and the third part consisted of items pertaining to problem solving styles using which were translated from Heppner (1988). Data analysis was done descriptively and also statistical tests such as comparing of means, Pearson's Bivariate Correlation, t-test and One-way ANOVA using SPSS version 9.0. Generally, the results showed that first year students tend to use more frequently deep approach, serialist style, holistic style, and strategic approach than surface approach. They also preferred to use the auditory and visual learning styles compared to the tactile learning style. On the whole the respondents had a positive perception towards their problem solving styles. This study found that generally there was a significant correlation at $p < 0.01$ between learning styles and problem solving styles. There were also significant correlation between learning styles and problem solving styles among respondents from both science and art streams. However with the exception of science streams, all the correlations are weak. There was no significant difference in learning styles among all the selected demographic characteristics except for the faculty, however there was a significant difference between problem solving styles and stream, and between problem solving styles and faculty. Based on the findings of this study, it is suggested that all those concerned should take positive measures in the planning of the teaching and learning process. They should try to use various strategies and techniques so that it will enable all students to participate actively during the learning process. On the other hand, varieties in strategies and techniques will also help students to increase their self-confidence especially while facing problems. It is suggested that further in-depth study be done to look into other variables related to learning styles and problem solving styles to improve and increase the academic excellence in Malaysia.